

Tiada lagi penjarakan fizikal dalam kelas, kawasan sekolah

Ilah Hafiz Aziz - April 28, 2022 @ 3:53pm

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



Kementerian Pendidikan menetapkan tiada lagi penjarakan fizikal dalam kelas, kawasan sekolah susulan pengumuman oleh Kementerian Kesihatan (KKM) semalam. - NSTP/FOTO HIASAN

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan (KPM) hari ini menetapkan tiada lagi penjarakan fizikal di dalam kawasan sekolah susulan pengumuman oleh Kementerian Kesihatan (KKM) semalam.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, berkata melalui ketetapan terbaharu itu, guru-guru sekolah diberi pilihan untuk melaksanakan pendekatan yang dirasakan terbaik dalam penyusunan murid dan kelas.

"Penjarakan fizikal menjadi komponen paling penting kerana sebelum ini kita menetapkan penjarakan satu meter dan ia menimbulkan pelbagai kekangan kepada sekolah.

"Selepas pengumuman KKM, kita membuat ketetapan bahawa tiada lagi penjarakan fizikal di dalam kelas dan sekolah, namun ia digalakkan dalam keadaan warga serta murid sekolah tidak memakai pelitup muka.

"Dengan ketetapan itu, guru boleh memilih pendekatan paling baik dalam penyusunan di kelas, namun harus dipastikan semua murid memakai pelitup muka," katanya dalam sidang media khas, hari ini.

Sementara itu, Radzi juga mengumumkan, keperluan imbasan kod MySejahtera tidak lagi perlu dilakukan pelawat ke sekolah.